



PROJEK: Rombongan IPB UMS mengambil gambar kenangan bersama warga KVLD yang terlibat dalam projek Inovasi itu.



PENGHARGAAN: Ahmad Fakhruzazi menyampaikan sijil penghargaan kepada Cahyo sambil diskusikan Timbalan Pengarah Penyelidikan dan Inovasi IPB Dr Mallin Mission.

UMS laksana Projek Pemindahan Ilmu Bioteknologi di Kolej Vokasional Lahad Datu

UB 11.08.2022 P.03

KOTAKINABALU: Institut Penyelidikan Bioteknologi (IPB) Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini mengadakan Projek Pemindahan Ilmu (Knowledge Transfer Project) di Kolej Vokasional Lahad Datu (KVLD).

Pengarah IPB UMS Prof. Dr. Lee Ping Chin berkata, inovasi itu terdiri daripada projek penghasilan media penanaman berasaskan 'Azolla Peat', dan inovasi bahan

tambahan daripada bahan buangan kelapa sawit dalam makanan haiwan ternakan.

"Dua lagi pemindahan ilmu yang dilakukan adalah inovasi penghasilan baja bio (biofertilizer) daripada bahan buangan rumput laut, dan inovasi kombucha pellicle sebagai suplemen probiotik untuk makanan haiwan ternakan.

"Projek ini melibatkan tujuh warga IPB yang terdiri daripada pensyarah,

kakitangan sokongan dan pentadbiran serta pelajar pascasiswazah," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Menurutnya, projek pemindahan ilmu itu berlangsung selama dua hari melibatkan 15 pensyarah dan pelajar KVLD.

"Warga IPB juga membantu KVLD dalam memberikan nasihat dan saranan dalam projek inovasi penghasilan Mini Plant Factory.

"Bagi penghasilan media

penanaman berasaskan Azolla Peat, Palm Kernel Cake dan Mini Plant Factory, ia dilaksanakan di bawah seliaan dan pembiayaan projek Dana Inovasi Sekolah IPB dengan diketuai oleh Pensyarah Kanan Dr. Cahyo Budiman.

"Idea asal bagi ketiga-tiga projek ini adalah diilhamkan warga KVLD, yang kemudian ditambah baik oleh penyelidik IPB," jelasnya.

Beliau berkata, penyelidikan IPB juga melakukan

pemindahan ilmu dan teknologi melalui aplikasi dan perkongsian mikroorganismes yang digunakan untuk mengoptimumkan produk inovasi berkenaan.

"IPB akan sentiasa bergiat aktif dalam program-program pemindahan ilmu seumpama ini ke arah meningkatkan ketenterampilan dan pembudayaan bidang bioteknologi kepada masyarakat di Sabah.

"Projek kali ini juga dilihat mampu meningkatkan

lagi minat pelajar KVLD mendalami bidang sains dan teknologi khususnya dalam bidang bioteknologi.

"Sudah tentu usaha sebegini tidak akan terhenti di sini, tetapi IPB dan KVLD akan saling berkerjasama dalam pelbagai lagi aktiviti lain pada masa akan datang," katanya.

Projek Pemindahan Ilmu itu dirasmikan Pengarah KVLD Ahmad Fakhruzazi Hamzah.